



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**

**BAGI STATISTIK PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI) DI MALAYSIA DAN  
PELABURAN LANGSUNG MALAYSIA DI LUAR NEGERI (DIA) 2023**

---

**Malaysia merekodkan FDI sebanyak RM40.4 bilion dan DIA sebanyak RM40.6 bilion pada tahun 2023, terutamanya dalam sektor Perkhidmatan**

**PUTRAJAYA, 26 JUN 2024** – Pelaburan asing di Malaysia merekodkan aliran masuk bersih RM40.4 bilion pada tahun 2023 sementara pelaburan di luar negeri mencatatkan RM40.6 bilion. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Statistik Pelaburan Langsung Asing (FDI) di Malaysia Dan Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri (DIA) bagi tahun 2023** hari ini.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, menyatakan bahawa, "Aliran masuk FDI pada tahun 2023 menyusut daripada RM75.4 bilion pada tahun sebelumnya, terutamanya dalam Ekuiti dan dana pelaburan saham, mencerminkan ekonomi global yang perlahan. Ini selaras dengan laporan Pemantauan Trend Pelaburan Global UNCTAD 2024 (*UNCTAD's 2024 Global Investment Trends Monitor*) yang menekankan bahawa aliran FDI ke negara-negara membangun menurun lebih kurang 9 peratus, berjumlah USD841 bilion pada tahun 2023. Khususnya, rantau Asia yang sedang membangun menurun sekitar 12 peratus kepada USD584 bilion, dengan FDI ASEAN menurun kira-kira 16 peratus."

Walau bagaimanapun, nilai kumulatif pelaburan langsung asing, yang juga dikenali sebagai kedudukan FDI meningkat kepada RM926.0 bilion pada akhir tahun 2023, menyumbang 50.8 peratus (2022: 49.0%) daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), terutamanya disebabkan oleh kategori-kategori bukan transaksi. Sementara itu, DIA mencatatkan penurunan dalam aliran keluar bersih daripada RM62.8 bilion pada tahun sebelumnya, manakala kedudukan DIA meningkat kepada RM664.4 bilion, mewakili 36.4 peratus (2022: 33.8 peratus) daripada KDNK.

Melihat kepada taburan sektor, Perkhidmatan muncul sebagai penerima utama FDI, dengan aliran masuk bersih RM35.4 bilion, memintas sektor Pembuatan. Dalam Perkhidmatan, Informasi & komunikasi menyumbang peratusan tertinggi selaras dengan pertumbuhan aktiviti berkaitan perniagaan digital global dan pusat data, diikuti oleh subsektor Kewangan & insurans/ takaful. Sektor Pembuatan kekal sebagai penyumbang utama kepada keseluruhan pendapatan meskipun aliran masuk bersih lebih rendah, dengan menjana RM41.9 bilion, terutamanya disokong oleh subsektor Elektrik, peralatan pengangkutan dan subsektor pembuatan lain. Secara kumulatif, kedua-dua sektor Perkhidmatan dan Pembuatan memegang nilai signifikan dalam komponen kedudukan masing-masing pada RM468.2 bilion dan RM391.3 bilion.

Dari segi geografi, rantau Asia kekal sebagai sumber utama FDI, menyumbang RM54.3 bilion pada tahun 2023 dengan nilai kedudukan RM508.4 bilion. Pelabur-pelabur utama dari rantau ini adalah termasuk Singapura, Hong Kong dan Jepun. Rantau Amerika, terutamanya Amerika Syarikat, menjana pendapatan tertinggi dari FDI, dengan jumlah RM41.4 bilion.

Menerangkan mengenai pelaburan langsung Malaysia di luar negeri, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Aliran keluar bersih DIA terutamanya disumbangkan oleh sektor Perkhidmatan bernilai RM34.5 bilion, terutamanya dalam aktiviti Kewangan & insurans/ takaful dan Utiliti. Sektor ini turut menjana pendapatan tertinggi RM23.9 bilion, diikuti oleh Perlombongan & pengkuarian RM10.7 bilion. Sektor Perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama DIA bagi tahun 2023 dengan mencatatkan kedudukan terkumpul pada RM461.1 bilion, diikuti oleh Perlombongan & pengkuarian RM80.5 bilion dan Pembuatan RM60.0 bilion.

Dari segi rantau, Asia kekal sebagai destinasi utama aliran DIA bagi tahun 2023 dengan nilai sebanyak RM29.9 bilion, terutamanya ke Singapura dan Indonesia. Pendapatan tertinggi turut dijana oleh Asia iaitu berjumlah RM24.0 bilion terutamanya dari Singapura, Indonesia dan Vietnam. Justeru, kedudukan DIA bagi rantau Asia berjumlah RM365.1 bilion pada akhir tahun 2023, penyumbang tertinggi berbanding rantau lain. Amerika merupakan penyumbang kedua terbesar bagi aliran keluar dan pendapatan DIA, kedua-duanya sebanyak RM7.5 bilion dengan jumlah kedudukan RM156.2 bilion.


Secara purata, pulangan pelaburan (ROI) bagi syarikat-syarikat FDI pada tahun 2023 menurun daripada RM0.12 pada tahun sebelumnya kepada RM0.10 bagi setiap RM1.00 pelaburan. Pada masa yang sama, syarikat-syarikat Malaysia menerima RM0.06 bagi setiap RM1.00 pelaburan yang dibuat di luar negara.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


**Carta 1: Prestasi pelaburan Malaysia pada 2010 – 2023**




### Paparan 1: Pelaburan langsung Malaysia, 2023



### Paparan 2: FDI mengikut Negara Utama dan Sektor, 2023



**Paparan 3: DIA mengikut Negara Utama dan Sektor, 2023**



**Dikeluarkan oleh:**

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
26 JUN 2024**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

### MEDIA STATEMENT

## FOR STATISTICS OF FOREIGN DIRECT INVESTMENT (FDI) IN MALAYSIA AND MALAYSIA'S DIRECT INVESTMENT ABROAD (DIA) 2023

---

***Malaysia recorded FDI of RM40.4 billion and DIA of RM40.6 billion in 2023,  
primarily in the Services sector***

**PUTRAJAYA, 26 JUNE 2024** – Foreign investment into Malaysia recorded net inflows of RM40.4 billion in 2023 while investment abroad registered RM40.6 billion. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today on the release of **Statistics of Foreign Direct Investment (FDI) in Malaysia and Malaysia's Direct Investment Abroad (DIA) for 2023**.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician of Malaysia, stated, “The FDI inflows in 2023 decreased from RM75.4 billion in the previous year, mainly in equity and investment fund shares, reflecting the global economic slowdown. This was in line with the UNCTAD’s 2024 Global Investment Trends Monitor report which highlighting that the FDI flows to developing countries declined approximately 9 per cent, totalling USD 841 billion in 2023. Notably, developing Asia dropped around 12 per cent to USD 584 billion, with ASEAN's FDI decreased about 16 per cent.”

However, the cumulative value of foreign investment, known as the FDI position rose to RM926.0 billion at the end of 2023, making up 50.8 per cent (2022: 49.0%) of Gross Domestic Product (GDP), primarily attributed to non-transaction categories. Meanwhile, DIA recorded a decrease in net outflow from RM62.8 billion in the preceding year, while the stock increased to RM664.4 billion, representing 36.4 per cent (2022: 33.8 per cent) of GDP.

Looking at the sectoral distribution, the Services sector emerged as the primary recipient of FDI, with a net inflow of RM35.4 billion, surpassing the Manufacturing sector. Within Services, Information & communication contributed the highest share which in line with emerging digital global business and data centre related activities, followed by Financial & insurance/takaful sub-sector. The Manufacturing sector remained the highest contributor to total income despite

*lower net inflows, generating RM41.9 billion, largely driven by the Electrical, transport equipment, and other manufacturing sub-sector. Cumulatively, both Services and Manufacturing sectors held the significant value in position which stood at RM468.2 billion and RM391.3 billion, respectively.*

*Geographically, Asia region remained the dominant source of FDI, contributing RM54.3 billion in 2023 with a position valued at RM508.4 billion. Leading investors from this region included Singapore, Hong Kong, and Japan. The Americas, particularly the United States, earned the highest income from FDI, totaling RM41.4 billion.*

*Explaining on Malaysia's investments abroad, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The DIA net outflows were mostly contributed by Services sector with a value of RM34.5 billion, primarily in Financial & insurance/takaful activities and Utilities. This sector also generated the highest income at RM23.9 billion, followed by Mining & quarrying RM10.7 billion. Seemingly, the Services sector remained the primary contributor of DIA in 2023 by registering the accumulated position at RM461.1 billion, trailed by Mining & quarrying at RM80.5 billion and Manufacturing at RM60.0 billion.*

*In terms of region, Asia remained the leading destination of DIA flows in 2023 with a value of RM29.9 billion, particularly to Singapore and Indonesia. The highest income also generated by Asia, amounting to RM24.0 billion, especially from Singapore, Indonesia and Viet Nam. Hence, the DIA position of Asia stood at RM365.1 billion at the end of 2023, the highest contributor among other regions. The Americas was the second largest contributor for DIA outflows and income, both amounting to RM7.5 billion, with a total position of RM156.2 billion.*


*On average, the return on investment (ROI) for FDI companies in 2023 decreased from RM0.12 in the previous year to RM0.10 for every RM1.00 of investment. Concurrently, Malaysian companies received RM0.06 for every RM1.00 of investment made abroad.*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*


*DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."*

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.


**Chart 1: Malaysia's investment performance, 2010 – 2023**




**Exhibit 1: Direct investment of Malaysia, 2023**



**Exhibit 2: FDI by Major Countries and Sectors, 2023**



**Exhibit 3: DIA by Major Countries and Sectors, 2023**



**Released by:**

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
26 JUNE 2024**